

NOTIS TENDER

TENDER NO. T170033 – (RETENDER)

TENDER PEMBEKALAN JENTERA PENYUSUN BESERTA BURUH UNTUK KERJA-KERJA MEMUNGGAH DAN MEMUAT KARGO DALAM KONTENA DI PANGKALAN KONTENA BUTTERWORTH UTARA (PKBU), PENANG PORT SDN BHD.

Saya telah diarah untuk memaklumkan kepada tuan bahawa Penang Port sedang mengeluarkan tawaran untuk kontrak di atas. Tender adalah dipelawa kepada:

- 1. Kontraktor/Syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**
- 2. Berpengalaman dalam kerja-kerja yang berkaitan dengan tender ini .**

Skop kerja :

1. Membekal Jentera Penyusun (Forklift) beserta buruh untuk kerja-kerja memunggah dan memuat kargo dalam kontena, di Pusat Pemeriksaan Kastam, Pangkalan Kontena Butterworth Utara.
2. Penender dikehendaki menyediakan 4 unit Jentera Penyusun (Forklift) untuk operasi dan tambahan 1 unit lagi sebagai jentera gantian sekiranya rosak ataupun menjalani pembaikan.
3. Jentera Penyusun (Forklift) yang digunakan mestilah berkapasiti 3 tan dan mampu mengendalikan kargo dalam kontena (operasi memuat dan memunggah kargo)
4. Jentera Penyusun (Forklift) tersebut hendaklah beroperasi menggunakan LPG/petrol dan usia jentera tersebut tidak melebihi 3 tahun.

Sekiranya tuan berminat, Borang Tender yang berharga **RM53.00** (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Tiga Sahaja) termasuk 6% GST boleh dibeli melalui wang tunai/bank deraf sahaja (wang tidak akan dikembalikan) di Unit Perolehan, Tingkat 1 Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran Penang Port Sdn. Bhd., Pulau Pinang pada waktu-waktu pejabat, sebelum jam 4.30 petang. Taklimat lanjut untuk kontrak ini akan di adakan pada :

Tarikh : 20 November 2017 (Isnin)

Waktu : 10.00 pagi.

Tempat : Bilik Mesyuarat , Tingkat Bawah, Bangunan Wisma Kontena Utara, Pangkalan Kontena Butterworth Utara, 12100, Butterworth . (PKBU/NBCT)

Kehadiran adalah penting bagi tujuan memahami skop kerja. Kehadiran penender akan diambil kira semasa proses penilaian tender.

Sehubungan itu, pihak Tuan dikehendaki memenuhi keperluan keselamatan dengan pemakaian lengkap jaket dan topi keselamatan semasa menghadiri lawatan/taklimat ini. Pihak tuan adalah tidak dibenarkan memasuki kawasan atau premis Penang Port tanpa memenuhi syarat keselamatan ini.

Tawaran sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimeterai dan bertanda:

“TENDER NO. T170033 - TENDER PEMBEKALAN JENTERA PENYUSUN BESERTA BURUH UNTUK KERJA-KERJA MEMUNGGAH DAN MEMUAT KARGO DALAM KONTENA DI PANGKALAN KONTENA BUTTERWORTH UTARA (PKBU), PENANG PORT SDN BHD.”

dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender “B”** di Unit Kasir, Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran, Penang Port Sdn. Bhd., No. 1, Pesara King Edward, 10300 , Georgetown , Pulau Pinang.

Waktu-waktu penyerahan Tawaran Sebutharga

Isnin - Khamis : 8.15 pagi - 4.30 petang.

Jumaat : 8.15 pagi - 12.45 tengahari/2.45 petang – 4.30 petang.

Tarikh tutup tawaran ialah pada **28 November 2017** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari**. Tawaran tender yang lewat tidak akan dilayan.

Penang Port tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau sebahagian daripada tawaran atau yang terendah sekali.